

→ MUKA DUA

(FOTO MOHD YUSNI ARIFFIN/BH)



Najib bersama Abdullah dan Noh melihat model Perumahan Transit Belia selepas majlis pelancarannya dan penyerahan kunci rumah Rent-to-Own PPR Sri Aman, di Jinjang, semalam.



Program PPR adalah inisiatif kerajaan yang menawarkan subsidi terbesar kepada rakyat dengan kos harga seunit dijual hanya RM35,000 saja berbanding nilai rumah RM200,000 mengikut harga pasaran”

Najib Razak,
Perdana Menteri

2,010 unit rumah transit belia dibina

→ Projek di Mukim Batu, Kepong bukti kerajaan komited bantu generasi M40 miliki kediaman

Oleh Mohd Azrone Sarabatin
azrone@bh.com.my

↳ Kuala Lumpur

Sebanyak 2,010 unit Perumahan Transit Belia bagi generasi muda M40 (isi rumah berpendapatan sederhana antara RM3,860 hingga RM8,319) akan dibina di sekitar ibu negara dan dijangka siap pada 2020, kata Datuk Seri Najib Razak.

Perdana Menteri berkata, projek perumahan di Mukim Batu dan Kepong itu dapat membantu kumpulan sasar berkenaan menyewa rumah dan pada masa sama menabung untuk membeli rumah impian pada masa depan.

Beliau berkata, penyewa terbabit

akan membayar RM400 untuk rumah studio satu bilik seluas 400 kaki persegi dan RM550 rumah studio dua bilik berkeluasan 550 kaki persegi.

“Penyewa terbabit akan membayar sewa bulanan dan tabungan RM250 sebulan dalam tempoh maksimum lima tahun.

Tabungan beli rumah

“Ini bermakna apabila mereka keluar sudah ada tabungan RM15,000 sebagai deposit membeli rumah,” katanya berucap majlis penyerahan kunci rumah Rent-To-Own Projek Perumahan Rakyat (PPR) Sri Aman dan melancarkan Perumahan Transit Belia Kuala Lumpur di PPR Sri Aman, Jinjang, dekat sini, semalam.

Yang turut hadir, bekas Perdana Menteri, Tun Abdullah Ahmad Badawi; Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar; Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor; dan Penasihat Pembangunan Keusahawanan dan Ikhtisaran Wanita di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Shahrizat Abdul Jalil.

Pendekatan Perumahan Transit Belia membabitkan perniagaan model baharu iaitu kerjasama pihak kerajaan dan swasta.


Sementara itu, Najib berkata, sebanyak 400 unit Perumahan Transit Belia di tapak PPR Sri Aman Jinjang, Kepong, kini ditawarkan kepada golongan muda berkelayakan.

Beliau yang juga Menteri Kewa-

ngan berkata, setakat ini Kerajaan Persekutuan sudah memperuntukkan sebanyak RM6 bilion untuk pembinaan PPR meliputi 83,759 unit sudah disiapkan, manakala 25,000 lagi pada peringkat pelaksanaan.

Katanya, program PPR adalah inisiatif kerajaan yang menawarkan subsidi terbesar kepada rakyat dengan kos harga seunit dijual hanya RM35,000 sahaja berbanding nilai rumah RM200,000 mengikut harga pasaran.

“Program perumahan memanglah terletak di atas tangga keutamaan yang tertinggi bagi kerajaan kerana impian untuk memiliki atau mendiami sebuah rumah yang selesa lagi sempurna adalah idaman setiap rakyat,” katanya.



WAKTU SOLAT

IBADAT & FADILAT

Abu Harairah berkata, “Nabi Muhammad SAW bersabda: Apabila ada antara saudara sekalian yang diundang ke majlis kenduri, hendaklah dia pergi. Jika dia sedang berpuasa, doakanlah yang baik bagi keluarga yang mengundang. Jika dia tidak berpuasa, hendaklah dia makan.” (Riwayat Muslim)

Kawasan	Subuh	Zohor	Asar	Maghrib	Isyak
Kangar	5:52	1:15	4:23	7:18	8:27
Alor Setar	5:52	1:15	4:22	7:18	8:27
P. Pinang	5:53	1:15	4:21	7:17	8:26
Ipoh	5:51	1:13	4:17	7:15	8:24
Kuala Lumpur	5:48	1:10	4:13	7:12	8:21
Shah Alam	5:48	1:10	4:13	7:12	8:21
Johor Bahru	5:40	1:01	4:01	7:04	8:12
Kuantan	5:41	1:03	4:04	7:07	8:14
Seremban	5:47	1:08	4:09	7:11	8:19
Bandar Melaka	5:46	1:07	4:08	7:10	8:19
Kota Bharu	5:49	1:07	4:15	7:10	8:15
K. Terengganu	5:41	1:04	4:10	7:06	8:15

PILIHAN TERTINGGI



- Sebar maklumat sulit: 13 polis diambil keterangan
- Jangan fitnah saya - Fathia
- Mahu jumpa dan nasihat 7 suspek
- Impian tak kesampaian
- 'Saya maafkan suspek'

Website
www.bharian.com.my

Facebook
www.facebook.com/bhonline

Twitter
www.twitter.com/bharianmy

Instagram
www.instagram.com/beritaharian

YouTube
www.youtube.com/BHOnlineTV

BHPlus
www.bharian.com.my/bhplus